

BAB 1

1.0 Pengenalan

Walaupun kita telah masuk ke alaf baru, masalah disiplin di sekolah tidak berkurangan malah semakin menjadi-jadi. Akhir-akhir ini masalah pelajar memukul guru disiplin, pelajar secara berkumpulan memukul pelajar lain, dan masalah ‘gangsterism’ di kalangan pelajar-pelajar sekolah selalu dibincangkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Oleh itu boleh di katakan bahawa isu disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah telah mencapai tahap kritikal.

Pada masa yang sama, perkara yang sering dibincangkan ialah masalah psikologikal-sosial di kalangan pelajar-pelajar, Rohana (1974) dan Chiam, (1978, 1979). Kajian ini akan cuba melihat sejauh mana masalah-masalah itu masih terdapat di kalangan pelajar. Bagaimana pula masalah-masalah tersebut mempengaruhi prestasi di dalam pembelajaran dan mungkin juga membawa kesan buruk pada masa depannya.

Masalah disiplin di kalangan remaja telah menyebabkan pada tahun 1963, Kementeraian Pelajaran Malaysia mengesyorkan supaya sekolah-sekolah khususnya sekolah menengah memulakan perkhidmatan panduan

dalam kerjaya yang sekarang dikenali sebagai Unit Bimbingan dan Kaunseling. Sekolah-sekolah swasta juga tidak ketinggalan dalam hal ini. Kaunselor-kaunselor dilatih untuk membantu para remaja untuk menyelesaikan atau mengatasi masalah disiplin yang dihadapi oleh mereka.

Walaupun kita di alaf baru, namun sistem pendidikan negara kita masih mementingkan pencapaian akademik untuk menilai taraf pendidikan seseorang individu seperti yang telah dibincangkan oleh Sheela J. Abraham (1999). Ini termasuklah kemasukan pelajar ke Tingkatan Empat, Tingkatan Enam, Kolej dan pengambilan pelajar untuk kursus Matrikulasi dan Ijazah Sarjana Muda di peringkat Universiti serta pengambilan calon untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta. Oleh itu pencapaian akademik adalah sangat penting bagi seseorang pelajar di bangku sekolah.

Sejak negara ini merdeka terdapat berbagai kemudahan dan peluang yang disediakan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan. Selain daripada sekolah kerajaan, penubuhan sekolah swasta adalah salah satu di antaranya. Halangan kepada peluang untuk mendapatkan pendidikan di sekolah telah diatasi hingga lebih ramai rakyat terutamanya daripada golongan miskin mendapat pendidikan yang baik. Berikut daripada Laporan Rahman Talib (1965), lebih ramai pelajar telah berpeluang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Bagi golongan ibu bapa yang berada pula, memilih sekolah swasta

sebagai tempat untuk meningkatkan prestasi pencapaian akademik anak-anak mereka.

Disiplin pelajar merupakan faktor yang menentukan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah. Berbagai langkah dan usaha telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan masalah disiplin di kalangan pelajar. Sebahagian daripada program itu telah disepadukan di dalam sistem pendidikan negara kita. Sebelum langkah-langkah dijalankan untuk menangani masalah disiplin dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik pelajar, kajian untuk mengenalpasti masalah disiplin yang dihadapi oleh pelajar perlu dilakukan terlebih dahulu supaya usaha-usaha yang diambil akan menjadi lebih berkesan.

Walaupun banyak kajian mengenai pencapaian akademik telah dijalankan di Malaysia tetapi kajian tentang pengaruh masalah disiplin ke atas pencapaian akademik oleh remaja di sekolah swasta belum banyak lagi terdapat. Kajian ini perlu dijalankan memandangkan kepada perbezaan yang besar di antara sekolah kerajaan dan sekolah swasta dari segi status ekonomi pelajar di mana pelajar-pelajar sekolah swasta adalah daripada golongan kelas pertengahan atas.

1.1 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kaitan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar daripada golongan kelas pertengahan atas. Oleh sebab itu pengkaji telah memilih sebuah sekolah swasta bagi kajianya; di mana pelajar-pelajarnya terdiri daripada golongan kelas pertengahan atas. Pelajar-pelajar yang dipilih oleh pengkaji adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat ataupun golongan remaja.

Pelajar-pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada kaum remaja adalah golongan terbaik bagi kajian pengkaji kerana kaum remajalah yang banyak terlibat dalam masalah disiplin. Ini kerana pada masa inilah mereka menghadapi berbagai masalah ketegangan dalam diri mereka. Masa peralihan antara masa kanak-kanak ke alam kedewasaan, inilah satu zaman yang penuh keributan dan tekanan (Hall, 1965). Akibat daripada masalah disiplin tumpuan mereka terhadap pelajaran mungkin terganggu dan menyebabkan pencapaian akademik merosot atau rendah. Oleh kerana itu, kajian ini adalah bertujuan untuk :-

- i) mengenalpasti jenis masalah disiplin di kalangan pelajar.
- ii) mengkelaskan pelajar yang bermasalah disiplin.
- iii) mengenalpasti hubungan masalah disiplin dengan jantina.

- iv) kaji kaitan antara masalah disiplin pelajar dan pencapaian akademik.

1.2 Kepentingan kajian

Kajian ini adalah penting dikendalikan supaya ia dapat memberi tinjauan sebenar tentang keadaan disiplin di sekolah swasta. Pada situasi sekarang kajian seperti ini akan dapat memberi cadangan untuk mengurangkan masalah disiplin pelajar. Walaupun masalah disiplin tidak begitu serius di sekolah swasta, langkah-langkah untuk mencegah keadaan menjadi lebih serius perlu diambil dari awal lagi.

Adalah diharapkan bahawa kajian ini akan memberi sedikit latar belakang mengenai masalah-masalah disiplin yang dihadapi oleh pelajar daripada golongan pertengahan atas di sekolah swasta untuk kegunaan guru-guru bimbingan dan kaunseling. Kajian ini juga akan memberi gambaran tentang hubungan masalah disiplin pelajar dengan jantina. Kajian ini juga akan memberi gambaran bahawa terdapat hubungan antara pelajar bermasalah disiplin dengan pencapaian akademiknya. Dengan ini guru-guru, guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah swasta dapat memahami dengan lebih mendalam lagi tentang pelajar-pelajar bermasalah dan seterusnya mungkin akan dapat merancang program bimbingan dan

kaunseling sekolah dengan baik dan berkesan supaya dapat mengurangkan masalah disiplin dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Di peringkat Kementerian Pendidikan pula, sedikit sebanyak gambaran dapat diberikan kepada mereka terhadap masalah disiplin di sekolah menengah swasta dan bagaimana ia mempengaruhi pencapaian akademik. Pada masa yang sama diharapkan mereka akan lebih memberi tumpuan terhadap masalah disiplin remaja di sekolah swasta juga kerana mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat remaja negara ini. Dengan ini prestasi pencapaian akademik keseluruhan negara dapat ditingkatkan kerana pelajar sekolah swasta juga menduduki peperiksaan awam kerajaan.

Kajian ini akan dapat memberi gambaran tentang bagaimana faktor disiplin mempengaruhi pencapaian akademik pelajar golongan kelas pertengahan atas di sekolah swasta. Maklumat-maklumat yang diperolehi dengan cara saintifik akan dapat membantu sekolah swasta dalam usaha menyesuaikan perancangan dan perlaksanaan program bimbingan bagi sekolah tersebut. Ia juga akan memberi maklumat kepada guru cara-cara untuk menangani masalah disiplin pelajar supaya prestasi pencapaian akademik dapat terus ditingkatkan.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejauh manakah masalah disiplin pelajar golongan kelas pertengahan atas mempunyai hubungan yang langsung dengan pencapaian akademik mereka seperti yang telah dibincangkan oleh L. Derville (1978). Logiknya menurut beliau, pelajar yang mempunyai disiplin yang positif memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik, manakala pelajar yang mempunyai disiplin yang negatif adalah sebaliknya.

Setakat ini kajian mengenai hubungan masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar sangat terhad dan tidak menyeluruh kerana tidak memberi perhatian kepada sekolah-sekolah swasta. Berdasarkan kepada hakikat inilah maka kajian ini memberi perhatian yang mendalam, tumpuan yang khusus kepada masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah swasta dan pencapaian akademik mereka.

Kajian ini juga bertujuan memberi panduan kepada guru-guru yang ingin bertugas di sekolah swasta bahawa untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar golongan kelas pertengahan atas mereka mesti menangani masalah disiplin pelajar dahulu.

1.4 Soalan-soalan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk memberi gambaran masalah disiplin pelajar di sebuah sekolah swasta, dan hubungan dengan pencapaian akademik. Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut :-

- a) Apakah jenis masalah disiplin yang terdapat di kalangan pelajar golongan kelas pertengahan atas?

- b) Siapakah pelajar bermasalah disiplin?

- c) Adakah hubungan antara tahap disiplin pelajar dan jantina?

- d) Adakah kaitan antara tahap disiplin pelajar dengan pencapaian akademik?

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini dihadkan kepada beberapa perkara. Pertamanya ialah golongan pelajar yang dipilih untuk kajian ialah pelajar daripada golongan kelas pertengahan atas di tingkatan empat di sebuah sekolah swasta.

Keduanya pencapaian akademik yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pencapaian akademik yang diperolehi oleh pelajar dalam ujian bulanan Tingkatan Empat dalam tahun 2000. Ujian bulanan dipilih untuk kajian

kerana ia lebih tepat dan relevan untuk sampel kajian ini yang berada di tingkatan empat.

Ketiganya, kajian yang dijalankan ini membuat tumpuan di sebuah sekolah menengah swasta sahaja. Sekolah yang dipilih untuk kajian terletak di kawasan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Ertinya, kajian ini terhad kepada sebuah sekolah swasta sebagai suatu kes.

1.6 Peristilahan

Berikut adalah peristilahan beberapa konsep yang digunakan dalam kajian ini :-

1.6.1 Disiplin

Disiplin adalah satu proses di mana sesetengah hubungan dicapai (process whereby certain relationships are established). Ia juga adalah satu cara bertingkah laku, ‘conductive to productive ends’ di mana ia perlu diajar dan dipelajari secara hayatan atau menghayati.

Kamus Dewan mengertikan disiplin sebagai satu kepatuhan pada peraturan. Dalam Kamus Lengkap dan Kamus Inggeris, disiplin diertikan

sebagai satu latihan terutama bagi otak dan perangai untuk menubuhkan kepatuhan dan ketaatan dan lain-lain.

Goodwin,(1968) mengertikan disiplin sebagai satu peraturan bagi memberi peluang kepada tiap-tiap orang pelajar untuk hidup rukun dan damai dalam bilik darjah. Chamberlin,(1971) mengatakan bahawa disiplin itu ialah satu alat untuk mempertahankan peraturan dan mengenakan hukuman. Wilson,(1971) mengatakan disiplin itu ialah berjenis-jenis peraturan yang terlibat untuk mencapai peringkat yang baik dalam aktiviti-aktiviti yang bernilai.

1.6.2 Pencapaian Akademik

Pencapaian pelajar biasanya diukur dengan menggunakan satu ukuran pencapaian akademik yang standart. Pencapaian akademik yang ditentukan oleh skor ujian dan peperiksaan menyumbangkan tentang konsep individu seseorang kepada ilmu. Cronbach,(1963) mengatakan bahawa pencapaian akademik di sekolah ditentukan oleh interaksi antara variabel individu seperti keperluan pencapaian, kebebasan, ‘self-direction’, ‘aptitudes’, minat dan kepandaian serta pengaruh persekitaran seperti ‘adult approval’, tekanan golongan rakan sebaya, keluarga ,agama dan media massa.

1.6.3 Sekolah Swasta

Sekolah yang dijalankan oleh syarikat-syarikat atau badan korporat, Bayaran yang tinggi dikenakan untuk pelajar sebagai yuran sekolah. Kemudahan yang lebih canggih dan selesa disediakan oleh pihak syarikat. Bilangan pelajar dalam sebuah kelas adalah lebih kecil berbanding dengan sekolah kerajaan. Biasanya sebuah kelas akan mempunyai kurang daripada tiga puluh orang pelajar. Ada sekolah swasta yang cuba mengikut kurikulum kerajaan kecuali sekolah swasta Antarabangsa yang mengikut kurikulum negara luar seperti Britain, Australia, Canada ,Jerman dan lain-lain lagi. Pengagihan masa untuk mata pelajaran bergantung kepada permintaan pasaran. Kebanyakan pelajar adalah terdiri daripada golongan anak-anak kelas pertengahan atas iaitu bangsawan dan ahli-ahli perniagaan. Sekolah ini masih di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Jangka waktu sekolah agak lama. Peperiksaan awam seperti PTS, UPSR, PMR dan SPM dikendalikan di sekolah yang mengikut kurikulum nasional.